

# Fahami taktik sindiket keldai akaun elak jadi mangsa

Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Timbalan Pengarah, Pejabat  
Strategi Korporat Dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia (UPM)



**Nampaknya** sindiket penipuan dalam talian tidak pernah berputus asa. Semakin ramai menjadi yang mangsa khususnya sebagai keldai akaun.

Lima kategori orang awam yang dilihat ada masalah kewangan atau terdesak mendapatkan wang dikenal pasti sasaran utama. Mereka ialah penagih dadah, penganggur, pesara, peminjam daripada ceti haram atau along serta individu lembam.

Kelompok ini digunakan sindiket untuk menumpangkan peminjaman duit mangsa ke akaun mereka sama ada menggunakan akaun sedia ada atau diminta membuka akaun baharu di bank. Nombor akaun serta kad bank

diserahkan kepada sindiket.

Tugas kelihatan mudah, sebagaimana bayarannya lumayan, iaitu antara RM1,000 hingga RM2,500 bergantung kesukaran sindiket memujuk sasaran. Ia jelas menarik perhatian individu yang terdesak.

Peningkatan bilangan kes keldai akaun dan jenayah komersial membuktikan modus operandi dan taktik sindiket semakin berjaya, justeru semua pihak perlu memandang serius isu ini supaya tidak terperangkap.

Penulis percaya tatkala terdesak dan mahukan duit, kita boleh gelap mata dan tidak pedulikan kesan sesuatu tindakan pada kehidupan hari. Matlamat utama ketika itu hanyalah untuk mencari duit, maka sindiket ini bijak mencari golongan sasaran dan merangkap mereka.

Natijahnya keldai akaun hanya sedar diperangkap apabila ada mangsa penipuan sindiket membuat laporan polis ke atas nama dan nombor akaun bank miliknya, atas dakwaan menipu dan mengambil wang secara salah.

Ironinya segala nasihat dan pendedahan oleh pihak berkuasa selama ini kepada masyarakat kelebihan seperti muncurah air ke daun keladi.

Justeru, kita perlu bertindak lebih agresif dan proaktif untuk menepis godaan sindiket ini, sekali gus melindungi diri dan ahli keluarga agar tidak menjadi mangsa seterusnya.

Janganlah kerana tamak dan gelap mata melihat upah atau ganjaran ditawarkan untuk meminjam akaun bank, kita lupa jika ditahan pasti akan menyesal seumur hidup kelak.

Alasan seperti pernah menjadi mangsa along, berkenalan dengan individu tidak dikenali melalui laman sosial, urus niaga dalam talian, kehilangan dompet yang mempunyai maklumat bank, terabit urus niaga sewa kad bank dan diperdaya sindiket, rasanya sudah lapuk dan tidak boleh diambil lagi. Hentikanlah perbuatan menipu diri sendiri.

Justeru, untuk mengelak menjadi mangsa, kita perlu mengambil tahu dan memahami dengan

jelas taktik serta modus operandi digunakan. Ini sangat mustahak kerana pendekatan mereka sangat profesional dan licik.

Jadi masyarakat perlu saling ingat mengingati agar tidak terpedaya dengan pujukan sindiket seperti ini. Penulis percaya berdasarkan statistik mangsa yang ditahan oleh pihak berkuasa, semua kategori anggota masyarakat tak kira umur, bangsa dan agama baik lelaki, wanita, belia, dewasa maupun golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) boleh terdedah dan menjadi mangsa sindiket terancang ini.

Oleh itu, kita perlu ambil ikutir dengan pendedahan pihak polis supaya lebih berhati-hati sepanjang masa. Bagi menangani masalah ini, polis juga menyediakan beberapa pesanan relevan dan signifikan untuk difahami seterusnya dipraktikkan.

Antaranya, tidak sesekali mendedahkan maklumat bank dan maklumat peribadi lain kepada pihak tidak dikenali untuk apa tujuan sekalipun. Jika didapati ada jumlah wang tertentu dima-

sukkan ke akaun bank tanpa diketahui puncanya, segera semak dengan pihak bank.

Jika ada yang menghubungi dan memaklumkan berlaku kesilapan pindahan wang dan meminta kita lakukan pindahan balik, jangan lakukan. Kita juga diingatkan jangan terima apa-apa tawaran untuk membantu memindahkan wang ke akaun tertentu lebih-lebih lagi daripada yang tidak dikenali dan jangan sesekali serah kad bank, nombor pin atau akses perbankan internet kepada pihak luar.

Ringkasnya maklumat bank kita biarlah rahsia dan tidak perlu didedahkan atau diserahkan kepada orang lain.

Kita percaya sindiket keldai akaun ini tidak akan berputus asa dan akan sentiasa berusaha mencari taktik baru untuk merangkap mangsa.

Jika ada yang sudah menjadi mangsa atau dihampiri ahli sindiket, segeralah melaporkan kepada pihak berkuasa dan sentiasalah menjaga keselamatan diri serta keluarga.